

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 20/6/2012
Hari: RABU M/S: 26
Ruangan: KELO (CAMPUS)

UniMAP juara Kejohanan Golf IPTA Malaysia Ke-40

ALOR SETAR 19 Jun - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) muncul juara keseluruhan Kejohanan Golf Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia Ke-40 yang berlangsung selama dua hari berakhir kelmarin.

Kejohanan yang melibatkan lebih 200 peserta dari 20 IPTA itu diadakan di tiga lokasi iaitu Havard Golf and Country Club, Black Forest Golf and Country Club, Kedah dan

Kelab Golf Putra, Perlis.

UniMAP turut dinobatkan sebagai kontinjen terbaik menerusi empat pemain gross dan *nett* iaitu Mohd. Shahrul Musa, Nazmi Sabu, Ros-haidi Ramli, Che Amran Che Man, Azahir Che Ahmad, Mohd. Nizam Ismail, Nasarudin Abd Shukor dan Muhammad Azan Yaakob.

UUM selaku tuan rumah kejohanan tidak pulang hampa apabila pemainnya, Muhammad Fahmi Mu-

hammad Zulkiflie muncul juara bagi kategori Individu *Nett*.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, kejohanan berkenaan merupakan platform terbaik bagi mencungkil bakat dalam kalangan warga IPTA untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Kejohanan seumpama itu turut memberi peluang kepada semua peserta yang terlibat menjalinkan per-

sahabatan dan meningkatkan kerjasama antara satu sama lain dalam pelbagai bidang," katanya sewaktu berucap pada majlis Penyampaian Hadiah dan Santapan Malam kejohanan berkenaan di EDC-UUM kelmarin.

Tunku Panglima Besar Kedah, Datuk Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz berkenan berangkat menyampaikan hadiah kepada pemenang.



PASUKAN golf UniMAP gembira bersama hadiah masing-masing selepas muncul juara keseluruhan Kejohanan Golf IPTA Kali Ke-40 di Alor Setar, baru-baru ini.